

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**HIBURAN DAN KESENIAN DI MALAYSIA: MAQASID SYARIAH
SEBAGAI INDIKATOR***ENTERTAINMENT AND THE ARTS IN MALAYSIA: MAQASID SHARIAH AS AN
INDICATOR*

Nadiyah Hashim^{1*}, Ahmad Rozaini Ali Hassan², Syaimak Ismail³, Hajar Opir⁴, Nurliyana Mohd Talib⁵ Noor Azura Zainuddin⁶

¹ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis.
Email: nadiyah@uitm.edu.my

² Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Seri Iskandar, Perak
Email: ahmad@uitm.edu.my

³ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis
Email: syaimak@uitm.edu.my

⁴ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Shah Alam, Selangor
Email: hajar_opir@uitm.edu.my

⁵ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis
Email: liyanatalib@uitm.edu.my

⁶ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis
Email: noorazura@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Hashim, N., Hassan, A. R. A., Ismail, S., Opir, H., Talib, N. M., & Zainuddin, N. A. (2025). Hiburan Dan Kesenian Di Malaysia: Maqasid Syariah Sebagai Indikator. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 234-243.

Abstrak:

Hiburan dan kesenian saling berkait dan ia sentiasa menjadi bidang perdebatan ulama mengenai beberapa perkara yang bersangkutan dengannya. Maqasid syariah adalah Maqasid syariah bermaksud objektif atau matlamat pensyariaan hukum-hukum di dalam Islam. kajian ini adalah berkaitan menjadikan maqasid syariah sebagai salah satu indikator dalam penilaian hiburan dan kesenian. Kajian bersifat kualitatif yang menjadikan kajian perpustakaan dan menggunakan teknik analisis kandungan untuk menyemak pandangan ulama terkini dan kontemporari mengenai isu-isu di dalam kesenian dan hiburan. Hukum asal hiburan dan kesenian adalah harus, maka kajian ini akan menyatakan kepentingan kegunaan maqasid syariah sekaligus maqasid syariah wajar dijadikan salah satu indikator dalam penentuan ketidakpatuhan hiburan dan kesenian dari aspek syariah.

Kata Kunci:

Hiburan, Indikator, Maqasid Syariah, Kesenian

DOI: 10.35631/IJLGC.1040017

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)**Abstract:**

Entertainment and the arts are intrinsically linked and have long been subjects of scholarly discourse, particularly among Islamic jurists, due to various issues associated with their practice and consumption. Maqasid Shariah, which refers to the objectives or higher intents of Islamic law, provides a valuable framework for assessing these domains. This study aims to explore the potential of Maqasid Shariah as an evaluative indicator in the assessment of entertainment and the arts within the Malaysian context. Adopting a qualitative approach, this research is grounded in library-based methods and utilizes content analysis to examine contemporary and classical scholarly perspectives on issues surrounding artistic and entertainment expressions. Given that the original ruling (hukm asal) of entertainment and the arts is one of permissibility (harus), this study underscores the importance of employing Maqasid Shariah as a guiding principle. It argues that Maqasid Shariah should be recognized as a critical indicator for determining the Shariah compliance or non-compliance of entertainment and artistic activities. By doing so, this research contributes to the development of a more structured and principled framework for evaluating the ethical and religious dimensions of cultural expressions in a pluralistic society.

Keywords:

Art, Entertainment, Indicator, Maqasid Syariah

Pengenalan

Kesenian adalah satu bentuk hiburan manakala hiburan memerlukan kesenian untuk menikmatinya. Kesenian boleh secara abstrak dan tidak abstrak. Hiburan juga boleh hadir dalam pelbagai bentuk. Kesenian adalah salah satu cara yang dapat menggambarkan identiti suatu bangsa dan budaya. Seni Malaysia adalah identiti budaya Malaysia (Daud et al, 2023). Seni dalam Islam mestilah mewakili peradaban manusia yang punya jati diri rohani berasaskan kefahaman agama yang benar (Alwan, J 2022). membicarakan isu hukum di dalam aspek kesenian dan hiburan, pastinya sentiasa kita menemukan pandangan yang ringan dan pandangan yang keterlaluan. maka sudah pasti memerlukan satu indikator yang perlu dijadikan panduan supaya kesenian dan hiburan itu dapat diteruskan dalam ruang lingkup yang dibenarkan dalam Islam. Maqasid syariah adalah salah satu indikator yang tepat dan meraikan semua pandangan yang ketat dan ringan dengan alasan yang dapat diterima oleh syarak.

Hiburan dan Kesenian

Seni dan hiburan sering kali saling berkait, di mana seni boleh berfungsi sebagai hiburan dan sebaliknya. Seni tidak boleh mengabaikan aspek hiburan, dan penting untuk meningkatkan fungsi hiburan dalam seni agar lebih artistik (Lu Lu, 2011). Sejak tahun 2000, kesenian telah memainkan peranan penting dalam seni kontemporari Malaysia. Mereka menyediakan platform untuk berkongsi idea dan kolaborasi, mencabar norma artistik, dan menyumbang kepada mozaik budaya Malaysia (Berahim et al, 2023 dan 2024). Seni Islam juga dipengaruhi oleh falsafah Islam dan sufisme, yang memberikan dimensi intelektual dan spiritual kepada karya seni. Prinsip-prinsip ini membantu dalam interpretasi yang lebih mendalam terhadap seni Islam (Hasti, S. 2020). Kaitan seni dan hiburan juga kerana pameran seni moden sering kali dianggap sebagai bentuk hiburan kerana ia melibatkan elemen persembahan dan hiburan, pameran ini memberikan peluang kepada penonton untuk mengalami seni pada tahap emosi yang lebih mendalam (Chumachenko, 2022).

Seni dan Hiburan dalam Islam

Menurut Hussein, I (2023) dan Zahwa. et al (2023), hiburan dalam Islam adalah topik yang sering dibahas dan diperdebatkan, terutama dalam konteks bagaimana ia dapat selaras dengan nilai-nilai dan hukum Islam. Hiburan dianggap sebahagian dari fitrah manusia, dan Islam tidak melarangnya selama ia mematuhi garis panduan syariah. Hiburan dalam Islam harus menghormati waktu dan digunakan untuk hal-hal yang bermanfaat, tanpa pemborosan atau kerugian. Ia bertujuan untuk memperbaharui semangat, menghilangkan ketegangan, dan mencapai keseimbangan emosional dan psikologis. Hiburan Islam harus mencerminkan nilai-nilai moral dan etika yang tinggi. Ini termasuk mempromosikan persatuan, persaudaraan, kesetaraan, cinta, dan toleransi. Menurut al-Atawneh (2012) sarjana muslim pada masa kini harus meletakkan garis pemisah manakah hiburan yang melalaikan yang menjadi sebab akan menjadi haramnya sesuatu bentuk hiburan itu dan manakah yang dibenarkan. Islam meraikan budaya yang membawa kepada kebaikan dan menolak budaya yang boleh membawa kepada keburukan. Kritikan daripada Muhammad Uzair Ismail (2024) bahawa tentang adanya kesenian Islam itu perlu dikaji semula kerana apakah nilai Islam itu ada pada kesenian atau Islam itu sendiri sememangnya seni. Menurutnya lagi (2024) identiti Islam dalam karya seni kontemporari sukar dikenal pasti dan mencabar untuk ditafsirkan kerana ekspresi visualnya berbeza dengan ketara daripada bentuk seni tradisional yang biasa digunakan oleh orang ramai, menjadikannya samar-samar diiktiraf dan difahami.

Isu dan cabaran

Perkara yang jelas haram, sememangnya ditolak walaupun atas alasan kesenian dan hiburan. Memperagakan tubuh badan wanita kepada yang tidak sepatutnya tetap haram di dalam Islam walaupun ia adalah nilai kesenian bagi sesuatu budaya. Contohnya kajian Xiaoling Zhan dan Norfarizah Mohd Bakhir (2024) menyatakan tubuh wanita adalah simbolik menyampaikan hasrat yang terpendam yang perlu ada penilaian baru yang sesuai untuk menterjemahkan penonjolan tubuh wanita.

Isu yang sering mendapat perhatian ialah apabila lelaki berpakaian wanita atau sebaliknya. Farabi. M et al (2023) secara umumnya menyatakan masyarakat muda boleh menerima pemakaian yang tidak mengikut jantina namun mesti melihat pada tempat dan kesesuaian majlis. Penerimaan umum tidak boleh dijadikan hukum apabila ia bercanggah dengan dalil yang kuat. Hukum *tasyabbuh* adalah HARAM bahkan salah satu dosa besar kerana telah sabit nas-nas syar'ie bahawa Allah SWT melaknat orang yang melakukannya dengan lisan Nabi SAW. Dari Ibn 'Abbas R.Anhuma dalam sabda Baginda SAW:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخْتَلِثِينَ مِنَ الرِّجَالِ، وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ

Maksudnya: Nabi SAW telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki.

Isu seterusnya ialah gurauan atau komedi yang menggunakan nama Allah, Rasul dan agama sebagai subjek dan dijenakakan. Gurauan yang mungkin alasannya hanya jenaka ringan menjadi berat apabila ia membabitkan urusan agama. Kajian Mahaiyadin, M. et al (2024) juga menyebut unsur komedi dan lawak yang memainkan isu agama juga adalah dilarang seperti yang telah digariskan oleh JAKIM.

Isu lain adalah hukum wanita menyanyi. Dalam beberapa komuniti Islam, suara wanita dianggap sebagai 'awra' (aurat), yang bermaksud ia harus dilindungi dan tidak diperdengarkan di khalayak ramai. Ini sering menjadi asas kepada larangan wanita menyanyi di tempat awam (Muazu, M. 2022). Di Iran, walaupun menyanyi di khalayak ramai tidak secara rasmi diharamkan, wanita yang menyanyi di tempat awam sering menghadapi tekanan sosial dan boleh dianggap melanggar norma sosial. Ini menunjukkan bahawa walaupun tidak ada larangan rasmi, amalan ini masih dianggap kontroversial (Zabarei, S. 2021). Di Bengal, terdapat tradisi nyanyian oleh wanita Muslim yang menceritakan kisah-kisah kehidupan mereka. Walaupun tradisi ini kaya dan unik, ia sering tidak diiktiraf secara rasmi dan dianggap bertentangan dengan syariat Islam (Pal, D. 2021).

Beberapa pendakwah wanita di Nigeria menggunakan tafsiran ayat Al-Quran untuk membincangkan konsep 'vokal nudity' dan bagaimana suara wanita boleh hadir di ruang awam tanpa melanggar prinsip agama. Ini menunjukkan bahawa terdapat usaha untuk menafsirkan semula peranan suara wanita dalam konteks Islam moden (Muazu, R. 2022). Zahwa, Z. et al (2023) mengungkapkan suara wanita tidaklah aurat sepenuhnya melainkan jika ia membawa kepada syahwat dan sengaja dibuat untuk tujuan menggoda. Syarat kesenian dan hiburan ialah selama ia tidak melanggar prinsip-prinsip syariah. Di Aceh, misalnya, seni muzik dan tarian telah diatur untuk menghormati nilai-nilai Islam (Muchin, M. 2015).

Konsep Maqasid Syariah

Maqasid syariah bermaksud objektif atau matlamat pensyariaan hukum-hukum di dalam Islam. Setiap sesuatu yang ditetapkan oleh Allah mempunyai hikmah yang tersendiri. Antara keutamaannya ialah mengambil masalah dan menolak kemudaratan kepada sesiapa sahaja. Masalah mestilah berdasarkan pertimbangan syariah dan tidak boleh didasari akal semata-mata. Inilah keutamaan berpandu kepada maqasid syariah dalam membuat sesuatu keputusan (Ali Muhyidin, 2019). Penerapan unsur masalah adalah satu keperluan pada masa kini, ia juga disokong oleh kajian Amin. A. (2020) bahawa keperluan masyarakat moden sekarang sangat memerlukan melihat kepada masalah dan pelaksanaan *dharuriyat khamsah* (5 keperluan utama, agama, nyawa, akal, maruah dan harta).

Kepentingan maqasid syariah adalah untuk dijadikan parameter dan indikator dalam pelbagai aspek. Seperti kajian Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor dan Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor (2018) telah mendapati secara umumnya, maqasid syariah boleh diaplikasikan sebagai parameter konsep hotel patuh syariah, begitu juga kajian Awang Nib Zuhairi Bin Awang Ahmad et al (2021) pula menghuraikan maqasid syariah dalam parameter kesejahteraan keluarga. Portal rasmi JAKIM (2024) menyebut masalah yang menjadi teras kepada maqasid syariah adalah sesuai untuk semua manusia pada setiap tempat dan zaman; samada muslim mahupun tidak. Ini berasaskan konsep Islam rahmat untuk sekalian alam. Antara yang perlu diberi tumpuan ialah bidang pentadbiran negara. Ia adalah lapangan yang sangat penting dan menjadi tonggak kepada kesejahteraan manusia. Nilai-nilai maqasid syariah hendaklah mengiringi segala tindakan dan urusan pentadbiran negara agar kemaslahatan rakyat dan negara terjamin. Maqasid syariah juga adalah kayu ukur yang mudah difahami oleh orang awam. Jika memenuhi ke semua ukuran maqasid syariah, maka lengkap dan sempurna sesuatu itu (Muhammad Nazir Alias, & Maimun Aqsha Lubis, 2018).

Kaedah Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan metod analisis dokumen. Kajian perpustakaan dijalankan terhadap pandangan ulamak lama dan kontenporari beserta dengan kajian-kajian lepas mengenai topik ini. Data dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan yang akan melihat secara tersurat dan tersirat. Kemudian dapatan analisis akan dipadankan dengan aspek maqasid syariah yang boleh dijadikan sebagai pengukuhan cara tindakan yang dapat diambil oleh pelbagai pihak.

Penemuan: Indikator Maqasid Syariah Dalam Hiburan dan Kesenian

Maqasid Syariah juga digunakan untuk mengatasi halangan prosedur dalam penyiasatan dan pendakwaan kes ajaran sesat di ruang siber. Ia berfungsi sebagai panduan rohani yang berharga kepada penyiasat dan pendakwa untuk melaksanakan tugas mereka dengan tekun mengikut undang-undang prosedur dan substantif (Zakiyy, N. et al, 2023).



Rajah 1: Gambaran Khusus Maqasid Syariah Sebagai Indikator Di Dalam Hiburan Dan Kesenian

Menjaga Agama

Menjaga agama bermaksud setiap program hiburan dan kesenian mestilah tidak melanggar akidah, tiada unsur syirik dan tidak mempersendakan urusan agama.

Tidak ada kesepakatan mutlak dalam kalangan ulama mengenai batasan hiburan, menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat Muslim (Al-Atawneh, 2012; Ghani, 2009; Mansoor et al., 2023). Dalam konteks hiburan, maqasid syariah berfungsi sebagai panduan untuk memastikan aktiviti hiburan selaras dengan prinsip-prinsip Islam dan tidak melanggar nilai-nilai asas tersebut.

Antara isu yang jelas dilarang ialah penukaran jantina dan membuat patung untuk sembah. Dimiyati, Y (2021) menjelaskan pengharaman penukaran jantina mengikut hukum asal Islam

namun ulama kontemporari menegaskan mereka yang menukar jantina harus dilayan sebagai pesakit yang perlu diubati dan bukan dilayan sebagai penjenayah.

Melukis atau membuat patung makhluk bernyawa dilarang jika membawa kepada syirik, tetapi dibenarkan untuk tujuan pendidikan atau mainan kanak-kanak (Rifai, 2021).

Menjaga Nyawa

Menjaga nyawa ialah memastikan aktiviti kesenian dan hiburan tidak mengabaikan keselamatan. Kesenian dan hiburan memainkan peranan penting dalam masyarakat, namun aspek keselamatan sering menjadi keutamaan untuk memastikan pengalaman yang positif dan selamat bagi semua pihak terlibat. Penyelidikan terkini menyoroti pelbagai pendekatan dan cabaran dalam mengekalkan keselamatan dalam bidang seni dan hiburan, sama ada di peringkat individu, komuniti, mahupun acara berskala besar. Acara seni dan hiburan berskala besar memerlukan pengurusan keselamatan yang terancang, melibatkan kerjasama antara penganjur, perkhidmatan keselamatan, dan penyedia maklumat. Rangka kerja perundangan dan koordinasi antara pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan keselamatan peserta dan ketenteraman awam (Sulek, 2023; Sulek, 2024). Pengurusan logistik yang berkesan, termasuk perancangan, koordinasi, dan pemantauan berterusan, adalah kunci untuk mengekalkan keselamatan dan kelancaran acara. Penggunaan teknologi moden dan komunikasi jelas dengan peserta turut membantu mengurangkan risiko (Sulek, 2024).

Terdapat dua jenis risiko utama di tempat persembahan: risiko berkaitan operasi persembahan (oleh artis dan kru) dan risiko berkaitan tingkah laku penonton. Perbezaan pengalaman dan tugas pekerja mempengaruhi persepsi risiko, dan pengurus boleh menggunakan kerangka analitik untuk mengenal pasti serta mengurangkan bahaya (Cheng & Chen, 2021). Kesenian yang melibatkan golongan kurang upaya, keselamatan budaya—yang merangkumi rasa hormat, kepercayaan, dan pengiktirafan identiti bersama—adalah asas kepada sokongan yang berkesan dan persekitaran yang selamat (Hadley et al., 2022). Penggunaan sistem automasi dinamik dalam teater memerlukan penilaian keselamatan fungsi yang ketat untuk mengurangkan risiko kecederaan, terutamanya apabila kawalan diberikan kepada artis atau penonton (Lisowski, 2023).

Menjaga Akal

Hiburan dalam Islam bertujuan untuk memperbaharui semangat, menghilangkan ketegangan, dan mencapai keseimbangan emosi dan psikologi. Ia juga berfungsi untuk menunjukkan toleransi Islam dan mengukuhkan komunikasi sosial (Hussein, I. 2023). Hiburan dalam pendidikan adalah digalakkan contohnya program hiburan seperti animasi, nyanyian, permainan elektronik, dan teater sekolah dianggap sah dari segi syariah selagi tidak melanggar asas-asas agama. Hiburan ini boleh digunakan sebagai alat pendidikan yang berkesan untuk kanak-kanak (Louar, R. 2023).

Selain itu, dalam konteks kesihatan mental, pelancongan Islam yang berasaskan maqasid syariah dapat berfungsi sebagai terapi untuk meningkatkan kesejahteraan mental, terutamanya semasa pandemik COVID-19 (Azlina, N et al, 2023). Hiburan harus menghormati masa, digunakan untuk perkara yang bermanfaat, dan tidak mengandungi unsur yang merugikan atau sia-sia. Ia bertujuan untuk memperbaharui tenaga, mengurangkan ketegangan, dan mencapai keseimbangan emosi dan psikologi. Ini selaras dengan falsafah Islam yang menekankan penggunaan masa secara bijak (Hussein. I 2023).

Menjaga Maruah

Hiburan Islam harus mencerminkan nilai-nilai seperti persaudaraan, kesetaraan, cinta, dan toleransi. Ini penting untuk menyampaikan imej positif Islam melalui media (Ghani, Z et al 2023). Seni bukan sahaja mengekspresikan kebebasan artistik, tetapi juga membawa tanggungjawab etika terhadap subjek dan penonton. Karya seni yang menghormati maruah manusia menuntut penonton untuk terlibat secara empati dan bertanggungjawab terhadap gambaran yang dipaparkan, serta mempertimbangkan hak dan maruah subjek yang diwakili (Arnold, B., & Bonython, W. 2015). Karya seni boleh menggambarkan pelbagai latar belakang—dari pemimpin tentera, penulis, hingga keluarga petani—namun tetap mengekalkan aura maruah pada setiap subjek yang dipaparkan (Dorot. R (2020).

Oleh yang demikian kesenian atau hiburan yang menggadai maruah atau boleh menjatuhkan maruah adalah dilarang sama sekali.

Menjaga Harta

Kesenian dan hiburan boleh membawa keuntungan yang besar, terutamanya dalam sektor komersial dan pasaran seni antarabangsa. Namun, banyak cabaran wujud, terutama dalam seni persembahan langsung yang sering memerlukan sokongan luar untuk kekal berdaya saing. Model perniagaan, struktur kontrak, dan sokongan masyarakat memainkan peranan penting dalam menentukan keuntungan dalam bidang ini. Analisis kajian Morozova, D (2022) menunjukkan bahawa walaupun terdapat permintaan tinggi, sukar untuk mencapai titik pulang modal dalam penganjuran acara hiburan secara langsung, terutamanya dalam situasi luar biasa seperti pandemik.

Mengaut keuntungan di dalam bidang kesenian dan hiburan tidaklah salah malah ia tetap halal dengan syarat mengikut cara yang ditetapkan dan tidak menyalahi maqasid syariat. hiburan yang mendedahkan aurat, menjatuhkan maruah, melalaikan manusia daripada kewajipan solat akan mencacatkan keberkatan rezeki. Jika matlamatnya jelas ke arah haram, maka hukum wang tersebut juga adalah haram.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, maqasid syariah berfungsi sebagai kerangka etika yang membimbing pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk dasar awam, kesejahteraan sosial, prosedur perundangan, dan ekonomi. Ia memastikan bahawa semua tindakan dan keputusan yang diambil adalah selaras dengan prinsip-prinsip Islam dan memenuhi keperluan masyarakat moden. Kajian ini mencadangkan penulisan mengenai kajian kes aspek hiburan di Malaysia adakah telah menepati aspek maqasid syariah atau tidak.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada KONSEP anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Arau atas penganjuran konferens dan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang menerbitkan artikel ini. Tidak lupa arwah emak, abah, suami, anak- anak tercinta.

References

- Al-Atawneh, M. (2012). Leisure and Entertainment (malāhī) in Contemporary Islamic Legal Thought: Music and the Audio-Visual Media. *Islamic Law and Society*, 19, 397-415. <https://doi.org/10.1163/156851912X639932>.
- Ali Muhyidin al-Qarah Daghi. (2019). *Fiqh al-Mizan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd

- Alwan, J. (2022). The Aesthetic Discourse Of Decorative Art) Islamic Civilization As A Model). *RIMAK International Journal of Humanities and Social Sciences*. <https://doi.org/10.47832/2717-8293.15.44>.
- Amin, A. (2020). Implementation of Maqasid Al-Syariah Contemporary Perspective. *Journal of Social Transformation and Regional Development*. <https://doi.org/10.30880/JSTARD.2020.02.03.023>
- Arnold, B., & Bonython, W. (2015). Seeing Through The Image: Art, Dignity, And Responsibility. *Griffith Journal of Law & Human Dignity*. <https://doi.org/10.69970/gjlhd.v0i0.710>.
- Awang Nib Johari Awang Ahmad et al. (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*. DO - 10.51377/azjaf.vol1no2.36
- Azlina, N., Wahab, A., Hamid, N., Nurul, S., Hashim, I., Meerangani, K., Fahmi, M., Hamid, A., Atan, M., Melaka, C., , M., Cawangan, M., & Malaysia, M. (2023). *Islamic Tourism Based on Maqasid Syariah As A Mental Well-Being Therapy: Preliminary Study Highlights*.
- Berahir, H., Kamaruzaman, A., Zailuddin, M., Ibrahim, Y., Rahim, H., Harun, N., & Harun, M. (2024). Themes and Trends of Art Collective in Malaysia Contemporary Art from 2000-2020. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i1/18338>.
- Berahir, H., Ibrahim, Y., Ismail, I., Rahim, H., & Kama, N. (2023). The Development and Significance of Art Collectives in Malaysian Contemporary Art. *International Journal of Art and Design*. <https://doi.org/10.24191/ijad.v7i2.1061>.
- Cheng, C., & Chen, S. (2021). Risks of performing arts at theater venues. **, 11, 1-23. <https://doi.org/10.1108/AAM-01-2020-0002>
- Chumachenko, O. (2022). Modern Art Exhibitions as a Form of "Entertainment". *National Academy Of Managerial Staff Of Culture And Arts Herald*. <https://doi.org/10.32461/2226-3209.3.2022.266092>.
- Daud, W., Mokhtar, M., Arzain, N., & Hum, Y. (2023). Culture Malay Community Value Profane On Modern Malaysian Islamic Art Exhibition. *Ideology Journal*. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i2.478>.
- Dimiyati, Y. (2021). Hukum Waria Ganti Kelamin Menurut Perspektif Hukum Islam Dan Hukum Perdata. *Usratuna: Jurnal Hukum Keluarga Islam*. <https://doi.org/10.29062/USRATUNA.V4I2.320>.
- Dorot, R. (2020). Visual Dignity in Art. *The Journal of Education, Culture, and Society*, 11, 241-254. <https://doi.org/10.15503/jecs2020.1.241.254>.
- Farabi, M., & Malika, A. (2023). Youth Perceptions of Shemale; Celebrated TV Idols and Inglorious Public Ignominy. *West Science Interdisciplinary Studies*. <https://doi.org/10.58812/wsis.v1i09.112>.
- Ghani, Z., & Rahman, S. (2023). Transforming Islamic entertainment and values in Malaysian films. *Journal of Arab & Muslim Media Research*. https://doi.org/10.1386/jammr_00053_1.
- Hadley, B., Rieger, J., Ellis, K., & Paterson, E. (2022). Cultural Safety As A Foundation For Allyship In Disability Arts. *Disability & Society*, 39, 213 - 233. <https://doi.org/10.1080/09687599.2022.2067468>
- Hasti, S. (2020). The Study of the Principles of Philosophy of Islamic Art., 24, 23-38. <https://doi.org/10.22363/2313-2302-2020-24-1-23-38>.

- Hussein, I. (2023). The Regulation of Songs and Their Relationship to Recreation and Entertainment According to Islamic Sharia. *Islamic Sciences Journal*. <https://doi.org/10.25130/jis.22.13.7.2.12>.
- Laouar, R. (2023). الإسلامية المحكمات المقاصدية ودورها في الترجيح الفقهي - برامج تسليية الأطفال نموذجا -. الدراسات . <https://doi.org/10.52541/adal.v57i4.2066>.
- Lisowski, D. (2023). Motion Capture Body Tracking and Functional Safety in Dynamically Controlled Theatre Automation Systems. *Human Interaction & Emerging Technologies (IHET 2023): Artificial Intelligence & Future Applications*. <https://doi.org/10.54941/ahfe1004077>
- Mahaiyadin, M., Opir, H., & Wakil, M. (2024). Is It Permissible to Make Jokes and Use Humour in Islam?. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i1/17781>.
- Mansoor, K., Naseem, N., & Aleem, A. (2023). رقص کی شرعی حیثیت: فقہاء کے افکار کا مطالعہ. *Al-Qamar*. <https://doi.org/10.53762/alqamar.06.03.u11>
- Mohd Izzuddin bin Mohd Noor, & Fatimah Nadirah binti Mohd Noor. (2018). Pengaplikasian Maqasid Syariah Sebagai Parameter Konsep Hotel Patuh Syariah. *Jurnal Ulwan*, 1, 99–109.
- Morozova, D. (2022). The Economics Of The Performing Arts Before And During The Covid-19 Pandemic. Part 1: Cost-Output-Profit Analysis On The Example Of A Performance. *Vestnik Universiteta*. <https://doi.org/10.26425/1816-4277-2022-2-132-145>.
- Muazu, R. (2022). ‘Why invite her here? Her voice is ‘awra!’: vocal nudity debates and Muslim female preachers in northern Nigeria. *Africa*, 92, 334 - 353. <https://doi.org/10.1017/S0001972022000286>.
- Muhammad Nazir Alias, & Maimun Aqsha Lubis. (2018). Maqasid Syariah as Determination of Islamic Law Based on Shafie School of Thought. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 2600–2769.
- Muhammad Uzair Ismail. (2024). A Journey Through Islamic Art Exhibition: Purification Of Form, Ineradicable In Content. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 23: 106–111. <https://doi.org/10.21315/ws2024.23.9>
- Muchsin, M. (2015). *Art And Entertainment In Islam*. , 3, 133-146.
- Pal, D. (2021). Re-Constructing And Reconciling The ‘self’: Muslim Women Of Bengal Through The Performance Of The ‘wedding Sagas’.
- Portal JAKIM. (2021). Maqasid Syariah Sejagat Inklusif Progresif. Retrieved from: <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/maqasid-syariah-sejagat-inklusif-progresif>
- Rifai, A. (2021). Seni Dalam Perspektif Hadist (Kajian Ma’ani Perspektif Muhammadiyah). *Bayani*. <https://doi.org/10.52496/bayaniv.1i.2pp129-142>
- Sulek, K. (2023). Integrated Safety Management for Mass Arts and Entertainment Events Based on an Outdoor Concert in Poland: A Case Study. *Journal of Public Governance*. <https://doi.org/10.15678/pg.2023.63.1.3>
- Sulek, K. (2024). Logistics Infrastructure Management Of Mass Art And Entertainment Events. *Scientific Papers of Silesian University of Technology Organization and Management Series*. <https://doi.org/10.29119/1641-3466.2024.212.33>
- Xiaoling Zhan, & Norfarizah Mohd Bakhir. (2024). The Female Body and the Body Politic in Sex Scenes of Lou Ye’s Film: A Multimodal Discourse Analysis of Summer Palace. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 23, 29–39. <https://doi.org/10.21315/ws2024.23.3>
- Zahwa, Z., & , F. (2023). Moderasi Hadis Suara Wanita dalam Shahih al-Bukhari. *Al-Manar: Jurnal Kajian Alquran dan Hadis*. <https://doi.org/10.35719/amn.v9i2.54>.

Zakiyy, N., & Hashim, H. (2023). Procedural Obstacles in Investigation and Prosecution of Cases on Deviant Teachings in Cyberspace: Maqasid Al-Syariah Approach. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*.
<https://doi.org/10.55057/ijarih.2022.4.4.3>.

Zavarei, S. (2021). The Song of Disobedience. *Performance Research*, 26, 122 - 127.
<https://doi.org/10.1080/13528165.2021.2029135>.